

BAHAGIAN A: KEANGGOTAAN

1) BAGAIMANAKAH CARA UNTUK MENJADI ANGGOTA KOPERASI UTM BERHAD?

Jawapan: Untuk menjadi anggota Koperasi UTM Berhad, tuan/puan dikehendaki mengisi dengan lengkap Borang Permohonan Menjadi Anggota yang dimuat turun daripada [laman web koperasi](#) dan sertakan bersama lampiran yang diperlukan serta wang proses sebanyak RM10.

2) APAKAH KELEBIHAN SEKIRANYA SAYA MENJADI ANGGOTA KOPERASI UTM BERHAD?

Jawapan: Anggota Koperasi UTM Berhad layak menikmati dividen syer dan caruman, perkhidmatan semua jenis pembiayaan dan pinjaman yang disediakan serta sumbangan dan bantuan bagi anggota yang layak mengikut ketetapan syarat yang telah ditentukan seperti di aturan.

3) ADAKAH APA-APA BAYARAN YANG DIKENAKAN UNTUK MENJADI ANGGOTA KOPERASI UTM BERHAD?

Jawapan: Ya. Bayaran yang dikenakan untuk menjadi anggota Koperasi UTM Berhad adalah sebanyak RM10.

4) BAGAIMANAKAH CARA UNTUK SAYA DAPATKAN PENJELASAN TERPERINCI BERKAITAN KEANGGOTAAN?

Jawapan: Untuk mendapatkan penjelasan terperinci, tuan/puan boleh menghubungi bahagian keanggotaan di talian 07-557 4922 atau emailkan persoalan tuan/puan ke admin@kutmb.my

5) SAYA TELAH MENJADI ANGGOTA KOPERASI UTM BERHAD, TETAPI BAGAIMANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT KEANGGOTAAN DAN PEMBIAYAAN SAYA?

Jawapan: Tuan/Puan boleh mendapatkan maklumat keanggotaan dan pembiayaan melalui penyata secara atas talian dengan memasukkan ID dan kata laluan dengan betul pada web portal berikut: <http://anggota.koop1m.com/>

6) BAGAIMANAKAH CARA UNTUK BERHENTI MENJADI ANGGOTA KOPERASI UTM BERHAD?

Jawapan: Tuan/Puan hanya perlu mengisi Borang Notis Berhenti Menjadi Ahli pada [laman web koperasi](#) kemudian hantarkan ke ibu pejabat Koperasi UTM Berhad.

7) SAYA TELAH BERHENTI MENJADI ANGGOTA KOPERASI UTM BERHAD, BOLEHKAH SAYA MEMOHON UNTUK MENJADI ANGGOTA SEMULA?

Jawapan: Boleh. Tuan/Puan hanya perlu mengisi Borang Permohonan Menjadi Anggota dan sertakan bersama lampiran yang diperlukan tetapi perlu membayar denda iaitu yuran proses kemasukan ahli sebanyak RM50.

BAHAGIAN B: PEMBIAYAAN

1) APAKAH JENIS-JENIS PEMBIAYAAN YANG DISEDIAKAN DAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN?

Jawapan: Antara jenis-jenis pembiayaan yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- i. Pembiayaan Al-Tawarruq (Pembiayaan Peribadi)
- ii. Pinjaman Al-Qard (Pinjaman Kebajikan)

2) APAKAH SYARAT-SYARAT UNTUK MENDAPATKAN PEMBIAYAAN?

Jawapan: Antara syarat-syarat untuk mendapatkan pembiayaan adalah seperti berikut:

- i. Terbuka pada Anggota Koperasi UTM Berhad dan mempunyai jumlah syer yang telah ditetapkan iaitu RM1,000.00
- ii. Berjawatan tetap dan telah disahkan jawatan
- iii. Menepati kiraan kelayakan gaji mengikut nisbah 60:40 (Al-Tawarruq) dan 70:30 (Al-Qard)
- iv. Menepati kiraan kelayakan DSR mengikut nisbah 50:50

3) BERAPA LAMAKAH TEMPOH PROSES KELULUSAN PEMBIAYAAN?

Jawapan: Anggota akan mengetahui kelayakan pada hari yang sama jika syarat-syarat pembiayaan dipenuhi.

4) BAGAIMANAKAH CARA UNTUK MEMOHON PEMBIAYAAN?

Jawapan: Anggota perlu datang ke pejabat Koperasi UTM Berhad dengan membawa penyata gaji 3 bulan yang terkini bagi tujuan pengiraan kelayakan.

5) ADAKAH APA-APA BAYARAN YANG DIKENAKAN SEMASA PERMOHONAN PEMBIAYAAN?

Jawapan: Tiada sebarang bayaran yang akan dikenakan semasa permohonan pembiayaan.

6) JIKA ANGGOTA TELAH BERHENTI MENJADI AHLI, NAMUN MASIH BERHUTANG DENGAN KOPERASI, BAGAIMANAKAH CARA UNTUK ANGGOTA TERSEBUT MEMBAYAR BAKI PEMBIAYAAN?

Jawapan: Jika anggota yang sudah berhenti menjadi anggota dan berhenti dari utm, cara pembayaran balik pinjaman adalah melalui Standard Instruction (SI) dari bank atau potongan gaji majikan (bagi kes khas) dengan syarat hendaklah membuat bayaran ansuran deposit 3 bulan secara tunai kepada koperasi. Jika dalam tempoh yang diberikan peminjam masih tidak dapat membuat pembayaran, laporan akan dihantar kepada bahagian 'Task Force' kutipan hutang koperasi. Namun jika setelah semua Notis Peringatan dikeluarkan peminjam masih tidak memberi sebarang maklum balas, pihak koperasi akan meneruskan dengan mengambil tindakan undang-undang. Hanya jika peminjam tidak akur dengan arahan mahkamah, barulah potongan gaji akan dibuat kepada pihak penjamin (bayaran dibahagi samarata antara penjamin 1 dan penjamin 2).

BAHAGIAN C: SUMBANGAN ATAU BANTUAN

1) APAKAH JENIS-JENIS SUMBANGAN YANG DISEDIAKAN DAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN?

Jawapan: Antara jenis-jenis sumbangan yang disediakan oleh Koperasi UTM Berhad beserta syarat-syarat kelayakan adalah seperti berikut:

- i. Sumbangan Hadiah Kecemerlangan Pelajaran
- ii. Sumbangan Bencana Alam
- iii. Sumbangan Menunaikan Ibadah Haji
- iv. Sumbangan Perkahwinan
- v. Sumbangan Masuk Wad
- vi. Sumbangan Khairat Kematian

2) BERAPAKAH JUMLAH SETIAP JENIS SUMBANGAN YANG DIBERIKAN OLEH PIHAK KOPERASI UTM BERHAD?

Jawapan: Jumlah setiap jenis sumbangan yang diberikan oleh Koperasi UTM Berhad adalah seperti berikut:

- i. Sumbangan Hadiah Kecemerlangan Pelajaran
 - UPSR (6A) – RM 75
 - PT3 (8A) – RM 100
 - SPM (8A) – RM 150
 - STPM (5P) – RM 200
 - Diploma (CGPA 3.5 dan ke atas) – RM300
 - Ijazah (CGPA 3.5 dan ke atas) – RM400
- ii. Sumbangan Bencana Alam – RM 500
- iii. Sumbangan Menunaikan Ibadah Haji – RM 300
- iv. Sumbangan Perkahwinan – RM100
- v. Sumbangan Masuk Wad – RM 100
- vi. Sumbangan Khairat Kematian – RM 1000

3) SAYA TELAH BERKAHWIN PADA 22 DISEMBER 2017 YANG LEPAS, ADAKAH SAYA MASIH BOLEH MENUNTUT SUMBANGAN PERKAHWINAN UNTUK KALI PERTAMA INI?

Jawapan: Sumbangan perkahwinan ini hanya boleh dimohon mengikut tahun semasa dan pada kali pertama perkahwinan sahaja. Permohonan yang berbeza tahun hanya boleh dimohon pada 3 bulan selepas tarikh perkahwinan. Contohnya, tarikh tuan/puan berkahwin pada Oktober 2017 masih boleh dipohon selewat-lewatnya pada hujung Januari 2018.

4) ADAKAH SAYA BOLEH MENUNTUT SUMBANGAN KHAIRAT KEMATIAN IBU/BAPA/ADIK BERADIK SAYA?

Jawapan: Tidak boleh. Sumbangan khairat kematian HANYA BOLEH dituntut sekiranya ibu/bapa/adik beradik tuan/puan adalah anggota Koperasi UTM Berhad.

5) SAYA TELAH MENUNAIKAN IBADAH HAJI PADA TAHUN 2017, BOLEHKAH SAYA MENUNTUT SUMBANGAN MENUNAIKAN IBADAH HAJI DARIPADA KOPERASI?

Jawapan: Prosedur untuk memohon sumbangan menunaikan haji boleh dimohon pada sebelum, semasa atau selepas tuan/puan menunaikan haji untuk kali pertama. Sumbangan ini hanya boleh dimohon mengikut tahun semasa dan kali pertama menunaikan haji. Permohonan yang berbeza tahun hanya boleh dimohon pada 3 bulan selepas sahaja. Contohnya, tarikh tuan/puan menunaikan haji pada Oktober 2017 masih boleh dipohon selewat-lewatnya pada hujung Januari 2018.

6) ADAKAH SAYA LAYAK UNTUK MENERIMA SUMBANGAN MASUK WAD SEKIRANYA IBU/BAPA/ADIK BERADIK SAYA YANG MASUK WAD?

Jawapan: Tidak layak. Sumbangan masuk wad HANYA akan diberikan kepada anggota Koperasi yang dimasukkan ke hospital melebihi daripada 3 hari